

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA KAMPUS UNIVERSITI MALAYA

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuatkuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II PENETAPAN PILIHAN RAYA KAMPUS

3. Penetapan Pilihan Raya Kampus

BAHAGIAN III JAWATANKUASA

4. Penubuhan Jawatankuasa
5. Kawasan Pilihan Raya Kampus
- 5A. Platform Pengundian
6. Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus UM
7. Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UM
8. Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UM
9. Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UM
- 9A. Jawatankuasa Audit Sistem Platform Pengundian Pilihan Raya Kampus UM

BAHAGIAN IV NOTIS DAN MAKLUMAN PILIHAN RAYA KAMPUS

10. Pengumuman Tarikh Pilihan Raya Kampus
11. Penyiaran notis Pilihan Raya Kampus

BAHAGIAN V PENAMAAN CALON

12. Jumlah ahli KMUM
13. Kelayakan calon
14. Status pencalonan

15. Penamaan calon
16. Pencadang dan penyokong pencadangan calon
17. Pengesahan Penamaan calon
18. Pengumuman calon yang layak bertanding
19. Bantahan terhadap pencalonan
20. Rayuan terhadap keputusan bantahan pencalonan
21. Penarikan balik pencalonan
22. Pengumuman akhir calon yang layak bertanding
23. Calon menang tanpa bertanding
24. Kempen

BAHAGIAN VI KEMPEN PILIHAN RAYA KAMPUS

25. Poster, kain rentang, dsb.

BAHAGIAN VII PENGUNDIAN

26. Hari pengundian
27. Ketua Pusat Pengundian dan Pegawai Pusat Pengundian
28. Kebenaran masuk ke Pusat Pengundian, dsb.
29. Larangan pada hari pengundian, dsb.
30. Pengundian kertas
31. Pengundian dan penjumlahan undi secara manual

BAHAGIAN VIII PENJUMLAHAN UNDI

32. Penjumlahan undi secara automatik
33. Ketua Pusat Penjumlahan Undi
34. Pengumuman keputusan penjumlahan undi
35. Bantahan dan rayuan keputusan Pilihan Raya Kampus

BAHAGIAN IX PENGISYTIHARAN AHLI KMUM DAN PEMILIHAN PEMEGANG JAWATAN

36. Pengisytiharan
37. Pemegang Jawatan KMUM

BAHAGIAN X AM

- 38. Keesahan perbuatan di dalam ketidakhadiran calon, dsb.
- 39. Pindaan atau pembatalan peraturan
- 40. Pengawasan keselamatan
- 41. Tindakan tatatertib
- 42. Pengundian oleh Pelajar Kelainan
- 43. Pengundian oleh pelajar kelainan upaya
- 44. Etika Pakaian Sepanjang Pilihan Raya Kampus
- 44A. Kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan
- 44B. Rayuan terhadap keputusan di bawah Tatacara 4.3(5)

BAHAGIAN XI KEADAAN LUAR JANGKA

- 45. *Force Majeure*

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya** yang berkuat kuasa bagi Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30];

“Fakulti” termasuklah suatu Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut di Universiti;

“Jawatankuasa Audit” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(d);

“Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus UM” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(a) dan akan dinyatakan sebagai “JPRKUM”;

“Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(b);

“Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(c);

“Kawasan Fakulti” ertinya kawasan Pilihan Raya Kampus yang dihadkan kepada pelajar ijazah dasar di Fakulti berkenaan;

“Kawasan Umum” ertinya kawasan Pilihan Raya Kampus yang terbuka kepada keseluruhan pelajar ijazah dasar Universiti di Fakulti yang tertentu mengikut zon yang ditetapkan;

“Kertas undi” ertinya sistem Pilihan Raya Kampus yang dijalankan secara manual;

“Ketua Tempat Mengundi” ertinya pelajar Universiti yang dilantik di bawah peraturan 27;

“Ketua Pusat Penjumlahan Undi” ertinya pelajar Universiti yang dilantik di bawah peraturan 33;

“KMUM” ertinya Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya;

“Pelajar Berdaftar” ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar; telah menduduki peperiksaannya yang pertama ataupun telah menduduki peperiksaan yang baru berlalu yang diadakan oleh Universiti bagi kursus pengajiannya;

“Pegawai Pengurus” ertinya pelajar Universiti yang dilantik di bawah peraturan 17;

“Pelajar ijazah dasar” ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu, tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar;

“Pelajar luar” ertinya seseorang pelajar berdaftar di Kampus di luar Malaysia atau seseorang pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

“Pencadang calon” ertinya wakil yang dilantik oleh calon di bawah peraturan 16;

“Pengundi” ertinya pelajar ijazah dasar Universiti yang berstatus aktif setakat tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya UM;

“Pengundian” ertinya proses pengundian yang ditentukan oleh Universiti;

“Penjumlahan undi” ertinya proses penjumlahan undi yang dilaksanakan oleh Ketua Pusat Penjumlahan Undi;

“Peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan markah atau gred bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“Pusat Pengundian” ertinya suatu kawasan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilih Raya Kampus UM untuk pengundian;

“Sistem pengundian e-undi” ertinya pengundian menggunakan sistem e- kertas undi; dan

“Sistem pengundian manual” ertinya pengundian menggunakan kertas undi.

BAHAGIAN II

PENETAPAN PILIHAN RAYA KAMPUS

Penetapan Pilihan Raya Kampus

3. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain berkaitan dengan Pilihan Raya Kampus, Naib Canselor boleh—
 - (a) mengadakan, menangguhkan atau membatalkan Pilihan Raya Kampus atau mengadakan Pilihan Raya Kampus semula selepas berunding dengan JPRKUM;
 - (b) menentukan kawasan Pilihan Raya Kampus; dan
 - (c) menetapkan bilangan wakil KMUM di kawasan Pilihan Raya Kampus.

- (2) (a) Pilihan Raya Kampus hendaklah diadakan pada semester satu setiap tahun akademik.

- (b) Tanpa mengetepikan perkara 2(a), Pilihan Raya Kampus perlulah diadakan dalam tempoh empat puluh lima hari daripada tarikh pelajar mendaftar bagi semester satu setiap tahun akademik.

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA

Penubuhan jawatankuasa

4. Bagi tujuan Pilihan Raya Kampus, jawatankuasa berikut ditubuhkan:
 - (a) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus UM;
 - (b) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UM;
 - (c) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UM; dan
 - (d) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UM.

Kawasan Pilihan Raya Kampus

5. (1) Bagi tujuan Pilihan Raya Kampus, Naib Canselor boleh menetapkan kawasan Umum dan kawasan Fakulti sebagai kawasan Pilihan Raya Kampus.
 - (2) Kawasan Umum adalah merangkumi seluruh Universiti Malaya.
 - (3) Setiap Pilihan Raya Kampus di kawasan Fakulti dan Umum adalah di bawah pengendalian ketua pusat pengundian yang dilantik oleh JPRKUM.
 - (4) Pengerusi JPRKUM boleh, dalam keadaan tertentu, menentukan pengendalian Pilihan Raya Kampus di kawasan Fakulti atau kawasan Umum.

Platform Pengundian

- 5A. (1) Bagi tujuan Pilihan Raya Kampus, Naib Canselor boleh menetapkan mana-mana platform atas talian sebagai Platform Pengundian.
 - (2) Setiap Pilihan Raya Kampus di Platform Pengundian adalah di bawah pengendalian Ketua Platform Pengundian yang dilantik oleh JPRKUM.
 - (3) Pengerusi JPRKUM boleh, dalam keadaan tertentu, menentukan pengendalian Pilihan Raya Kampus di Platform Pengundian.
 - (4) Kaedah ini hanya terpakai apabila JPRKUM menjalankan pengundian secara atas talian.

Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus UM

6. (1) Ahli JPRKUM hendaklah dilantik oleh Naib Canselor atas nama yang dicadangkan oleh JPRKUM yang semasa.
- (2) Pengerusi JPRKUM adalah dilantik sesama sendiri dalam kalangan ahli JPRKUM yang baru dilantik.
- (3) Kuorum bagi mana-mana mesyuarat JPRKUM ialah satu pertiga keahliannya.
- (4) JPRKUM hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu kali sebelum Pilihan Raya Kampus dan boleh pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Pengerusi JPRKUM.
- (5) JPRKUM hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—
 - (a) menentukan tarikh Pilihan Raya Kampus;
 - (b) menetapkan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar bagi tujuan Pilihan Raya Kampus;
 - (c) menentukan proses pembuangan undi Universiti sama ada secara sistem pengundian e-undi sepenuhnya atau sebahagiannya atau system pengundian manual;
 - (d) menentukan Pusat Pengundian; dan
 - (e) membentuk, menggubal dan merangka tatacara dan dasar Pilihan Raya Kampus.

Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UM

7. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus adalah ahli di bawah JPRKUM.
- (2) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi JPRKUM daripada kalangan ahli JPRKUM.
- (3) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus boleh mencadangkan kepada Pengerusi JPRKUM untuk membentuk apa-apa jawatankuasa kecil lain bagi memastikan kelancaran perjalanan Pilihan Raya Kampus.
- (4) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—
 - (a) perjalanan Pilihan Raya Kampus dan semua perkara yang berkaitan dengannya;
 - (b) mengeluarkan apa-apa arahan mengenai perjalanan Pilihan Raya Kampus dan mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya patut bagi memastikan sesuatu Pilihan Raya Kampus berjalan dengan lancar dan teratur;
 - (c) menentukan petugas, dokumentasi dan peralatan Pilihan Raya Kampus yang berkaitan dengan pelaksanaan Pilihan Raya Kampus;
 - (d) mengambil tindakan yang difikir wajar terhadap mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang melanggar Peraturan-Peraturan ini, setelah memberi peluang untuk membuat penjelasan lisan; dan
 - (e) menjadi tempat rujukan berhubung apa-apa kekeliruan dalam perjalanan Pilihan Raya Kampus.

Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UM

8. (1) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah terdiri daripada Panel Bantahan dan Panel Rayuan. Panel Bantahan perlu dianggotai oleh 3 ahli JPRKUM, manakala Panel Rayuan perlu dianggotai oleh 1 pensyarah UM, 1 staf UM dan 1 pelajar selain ahli JPRKUM.
- (2) Mana-mana anggota yang dilantik di bawah subperaturan (1) tidak boleh menjadi ahli dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah Peraturan 4(d).
- (3) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi JPRKUM daripada kalangan ahli JPRKUM.
- (4) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—
 - (a) Mendengar dan membuat keputusan berhubung rayuan daripada mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (b) memanggil mana-mana orang atau pelajar untuk mendapatkan maklumat dan fakta berkaitan dengan bantahan berhubung perjalanan Pilihan Raya Kampus itu; dan
 - (c) mengarahkan mana-mana Ketua Pusat Pengundian menyerahkan apa-apa dokumen berkaitan Pilihan Raya Kampus kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus
- (5) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus adalah muktamad.

Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UM

9. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah dilantik oleh Naib Canselor daripada kalangan pekerja Universiti selain daripada ahli jawatankuasa di bawah Peraturan 4(a), (b) dan (c).
- (2) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus daripada kalangan pekerja Universiti dengan syarat bahawa Setiausaha itu tidak boleh menjadi ahli atau setiausaha dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah Peraturan 4(a), (b) dan (c).
- (3) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut –
 - (a) mengesahkan data pengundi;
 - (b) mengesahkan data penjumlahan undi;
 - (c) menghendaki mana-mana pakar (jika perlu), untuk mengesah dan memperakukan sistem pengundian;
 - (d) membuat pemeriksaan sistem pengundian di Pusat Pengundian sekurang-kurangnya sekali sebelum pengundian bermula;
 - (e) menentukan prosedur pengauditan;
 - (f) menjalankan pemantauan ke atas keseluruhan perjalanan proses Pilihan Raya Kampus; dan
 - (g) mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam perjalanan Pilihan Raya Kampus dan mencadangkan langkah penambahbaikan kepada Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus.
- (4) Pengesahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus mengenai data pengundi dan data penjumlahan undi adalah muktamad.

Jawatankuasa Audit Sistem Platform Pengundian Pilihan Raya Kampus UM

- 9A.** (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Audit Sistem Platform Pengundian Pilihan Raya Kampus hendaklah dilantik oleh Naib Canselor daripada kalangan pelajar Universiti selain daripada ahli jawatankuasa di bawah Peraturan 4(a), (b) dan (d).
- (2) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit Sistem Platform Pengundian Pilihan Raya Kampus daripada kalangan pelajar Universiti dengan syarat bahawa Setiausaha itu tidak boleh menjadi ahli atau setiausaha dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah Peraturan 4(a), (b) dan (d).
- (3) Jawatankuasa Audit Sistem Platform Pengundian Pilihan Raya Kampus hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—
- (a) Memastikan ketelusan dan integriti sistem Platform Pengundian;
 - (b) Menghendaki mana-mana pakar (jika perlu), untuk mengesah dan memperakukan sistem pengundian;
 - (c) Membuat pemeriksaan sistem pengundian di Pusat Pengundian sekurang-kurangnya sekali sebelum pengundian bermula; dan
 - (d) Menjalankan pemantauan ke atas keseluruhan perjalanan proses Pilihan Raya Kampus.
- (4) Pemakaian kaedah ini adalah tertakluk kepada pemakaian Peraturan 5A.

BAHAGIAN IV

PEMBERITAHUAN PILIHAN RAYA KAMPUS

Pengumuman tarikh Pilihan Raya Kampus

10. JPRKUM hendaklah mengisytiharkan tarikh berkenaan Pilihan Raya Kampus.

Penyiaran notis Pilihan Raya Kampus

11. (1) JPRKUM hendaklah menetapkan tarikh bagi menyiarkan suatu notis Pilihan Raya Kampus yang mengandungi butiran berikut—

- (a) tarikh dan masa penamaan calon;
- (b) tarikh dan masa mengundi;
- (c) tempoh bantahan dan rayuan; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang berkaitan Pilihan Raya Kampus.

(2) Setiap notis Pilihan Raya Kampus hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi JPRKUM atau wakilnya dan hendaklah dipamerkan di papan notis rasmi Universiti, di laman sesawang yang ditentukan oleh JPRKUM atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat sebagaimana ditetapkan oleh JPRKUM.

BAHAGIAN V

PENAMAAN CALON

Jumlah ahli KMUM

12. Bagi maksud Pilihan Raya Kampus, Naib Canselor hendaklah menentukan jumlah ahli KMUM mengikut cara yang berikut—
- (a) bagi kawasan Fakulti, bilangan ahli KMUM hendaklah sama daripada setiap Fakulti; dan
 - (b) bagi kawasan Umum, bilangan ahli KMUM hendaklah tidak lebih daripada setengah atau 50% daripada jumlah bilangan ahli KMUM.

Kelayakan calon

13. (1) Bagi maksud Pilihan Raya Kampus, pelajar ijazah dasar yang memenuhi kriteria berikut layak untuk menjadi calon—
- (a) pelajar berdaftar ijazah dasar Universiti;
 - (b) pelajar ijazah dasar yang tidak pernah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib oleh pihak berkuasa tatatertib Universiti;
 - (c) pelajar ijazah dasar yang mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya setahun atau dua semester berdasarkan tempoh pengajian minimum bagi program pengajian yang diikutinya;
 - (d) pelajar ijazah dasar yang telah menduduki peperiksaan pertamanya di Universiti dan—
 - i) Memperolehi keputusan peperiksaan dengan purata nilai gred kumulatif (PNGK) tidak kurang daripada 2.75 pada peperiksaan yang terakhir didudukinya di Universiti sebaik sahaja sebelum pengisytiharan Pilihan Raya Kampus; atau

- ii) bagi pelajar ijazah dasar program MBBS dan program pengajian BDS, memperoleh sekurang-kurangnya Gred Lulus pada peperiksaan yang terakhir didudukinya di Universiti sebaik sahaja sebelum pengisytiharan Pilihan Raya Kampus dan tidak pernah gagal atau mengulang mana-mana kursus di sepanjang tempoh pengajian yang telah dijalani.
- (e) Pelajar ijazah dasar yang tidak terlibat dengan tahun jurang berdasarkan kepada artikel 57(9) Perlembagaan Universiti Malaya.
- (3) Mana-mana pelajar ijazah dasar yang prosiding tatatertib terhadapnya dan mempunyai hutang kewangan tertunggak dalam akaun pelajar yang masih belum selesai tidak layak menjadi calon, melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.
- (4) Apa-apa kekeliruan berkenaan senarai pelajar berdaftar boleh dirujuk kepada bahagian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal akademik Universiti untuk pengesahan status pelajar.
- (5) Pelajar yang terlibat sebagai ahli JPRKUM tidak layak menjadi calon pilihan raya kampus sesi terkini.

Status pencalonan

- 14. (1) Mana-mana calon yang bertanding di dalam Pilihan Raya Kampus dibenarkan bertanding atas kapasiti individu atau mewakili mana-mana kumpulan orang di dalam Kampus yang didaftarkan dengan JPRKUM.
- (2) Seseorang calon hanya boleh bertanding bagi satu kawasan Pilihan Raya Kampus sahaja.
- (3) Bagi kawasan Fakulti, calon hendaklah seorang pelajar ijazah dasar Fakulti berkenaan.
- (4) Bagi kawasan Umum, calon hendaklah mematuhi peraturan 5(2).

- (5) Seseorang calon tidak boleh menjadi pencadang calon atau penyokong pencadangan calon kepada mana-mana calon yang lain.

Penamaan calon

15. (1) Mana-mana pelajar ijazah dasar yang hendak bertanding untuk Pilihan Raya Kampus hendaklah membuat penamaan calon secara manual berdasarkan proses dan tatacara yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (2) Mana-mana pelajar yang berhasrat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kampus hendaklah membuat bayaran cagaran dan apa-apa bayaran proses mengikut kadar yang ditetapkan oleh JPRKUM.

Pencadang dan penyokong pencadangan calon

16. (1) Mana-mana pelajar ijazah dasar Universiti yang berdaftar boleh menjadi pencadang dan penyokong pencadangan calon.
- (2) Pencadang dan penyokong pencadangan calon bagi kawasan Fakulti hendaklah terdiri daripada pelajar ijazah dasar Fakulti berkenaan.
- (3) Pencadang dan penyokong pencadangan calon bagi kawasan Umum adalah terbuka kepada semua pelajar ijazah dasar Universiti.
- (4) Pencadang atau penyokong pencadangan calon bagi mana-mana calon tidak boleh menjadi pencadang atau penyokong pencadangan calon lain.
- (5) Pencadang dan penyokong pencadangan calon hendaklah mengesahkan status mereka sebagai pencadang dan penyokong pencadangan calon melalui sistem penamaan calon yang berkenaan.
- (6) Ahli JPRKUM tidak layak untuk menjadi pencadang atau penyokong pencadangan calon bagi mana-mana calon.

Pengesahan penamaan calon

17. (1) Bagi calon kawasan Umum, penamaan calon yang berkenaan hendaklah disahkan oleh Pegawai Pengurus yang dilantik oleh JPRKUM.
- (2) Bagi calon kawasan Fakulti, penamaan calon yang berkenaan hendaklah disahkan oleh Pegawai Pengurus atau mana-mana ahli JPRKUM yang diberi kuasa oleh Ketua Pusat Penamaan tersebut.
- (3) Bagi maksud pengesahan penamaan calon, calon dikehendaki hadir bersama dengan pencadang dan penyokong pencadangan calon di hadapan pegawai yang dinyatakan di subperaturan (1) dan (2) di atas, di mana berkenaan.
- (4) Pegawai yang diberi kuasa untuk mengesahkan penamaan calon seperti di subperaturan (1) dan (2) di atas hendaklah, setelah menyemak dan mengesah butir-butir calon, semasa penamaan calon berdasarkan proses dan prosedur yang ditetapkan.
- (5) Proses pengesahan penamaan calon sepertimana dinyatakan di subperaturan (1), (2) dan (3) di atas hendaklah dilaksanakan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (6) Apa-apa pindaan ke atas maklumat penamaan calon di dalam sistem penamaan calon yang berkenaan hendaklah dilakukan sebelum penamaan calon disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa. Tiada apa-apa pindaan boleh dibuat selepas pengesahan penamaan calon telah dilakukan menurut subperaturan (5) di atas.

Pengumuman calon yang layak bertanding

18. Selepas tamat tempoh penamaan calon, senarai nama calon mengikut kawasan Pilihan Raya Kampus yang dipertandingkan akan dipaparkan di laman sesawang yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pelaksana PilihanRaya Kampus atau di papan notis rasmi Universiti atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat sebagaimana ditetapkan oleh JPRKUM.

Bantahan terhadap pencalonan

- 19.** (1) Mana-mana pelajar ijazah dasar Universiti boleh mengemukakan bantahan terhadap pencalonan seseorang calon secara manual.
- (2) Bantahan terhadap sesuatu pencalonan boleh dibuat berdasarkan alasan yang berikut—
- (a) seseorang calon itu tidak layak atau telah hilang kelayakan untuk dipilih menjadi ahli KMUM;
 - (b) seseorang calon mengemukakan maklumat palsu dalam dokumen penamaan calon;
 - (c) dokumen penamaan calon tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini;
 - (d) seseorang calon itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan ini.
- (3) Setiap bantahan boleh dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan oleh JPRKUM dan hendaklah dibayar kepada JPRKUM.
- (4) Panel Bantahan, selepas tamat tempoh bantahan, hendaklah membuat keputusan mengenai keesahan setiap bantahan dan pemakluman mengenai bantahan yang dibuat menurut perenggan ini hendaklah dibuat secara atas talian berdasarkan proses, tatacara dan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (5) Jika sesuatu bantahan diputuskan sah, pencalonan calon yang berkenaan hendaklah ditolak.
- (6) Pembayaran yang dibuat menurut subperaturan (3) di atas tidak akan dikembalikan sama ada bantahan diterima atau ditolak.

Rayuan terhadap keputusan bantahan pencalonan

20. (1) Mana-mana pelajar ijazah dasar yang telah membuat bantahan di bawah peraturan 19 dan tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat di bawah subperaturan 19(4), boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut secara manual berdasarkan proses, tatacara dan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (2) Mana-mana calon yang pencalonannya ditolak di bawah subperaturan 19(5) boleh mengemukakan rayuan terhadap penolakan pencalonannya secara manual berdasarkan proses, tatacara dan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (3) Setiap rayuan boleh dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan oleh JPRKUM dan hendaklah dibayar kepada JPRKUM.
- (4) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah, selepas tamat tempoh rayuan yang dibuat menurut peraturan ini, membuat keputusan mengenai keesahan setiap rayuan dan memaklumkan pembantah dan calon yang berkenaan mengenai keputusan rayuan tersebut. Keputusan dan pemakluman mengenai rayuan yang dibuat menurut perenggan ini hendaklah dibuat secara atas talian berdasarkan proses, tatacara dan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (5) Jika sesuatu rayuan yang dibuat di bawah subperaturan 20(1) diterima, pencalonan calon akan ditolak. Jika sesuatu rayuan yang dibuat di bawah subperaturan 20(2) diterima, pencalonan calon akan dikekalkan.
- (6) Pembayaran yang dibuat menurut subperaturan (3) di atas tidak akan dikembalikan sama ada rayuan diterima atau ditolak.

Penarikan balik pencalonan

21. (1) Seseorang calon boleh menarik diri daripada Pilihan Raya Kampus pada bila-bila masa secara manual sebelum senarai muktamad calon yang layak bertanding di bawah peraturan 22 diumumkan. Wang cagaran yang dibayar menurut subperaturan 15(2) akan dikembalikan manakala wang proses tidak akan dikembalikan.
- (2) Penarikan diri yang dibuat selepas senarai muktamad calon yang layak bertanding di bawah peraturan 22 diumumkan tidak akan diterima. Wang cagaran dan wang proses yang dibayar menurut subperaturan 15(2) tidak akan dikembalikan.

Pengumuman akhir calon yang layak bertanding

22. Selepas keputusan rayuan di bawah subperaturan 20(4) diumumkan, senarai muktamad calon yang layak bertanding akan dipaparkan di laman sesawang pelajar yang ditentukan oleh JPRKUM atau di papan notis rasmi Universiti atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat sebagaimana ditetapkan oleh JPRKUM.

Calon menang tanpa bertanding

23. (1) Sekiranya bilangan calon yang bertanding bagi kawasan Fakulti sama dengan atau kurang daripada jumlah wakil yang diperuntukkan bagi kawasan Fakulti itu, calon berkenaan akan diisytiharkan menang tanpa bertanding.
- (2) Sekiranya bilangan calon yang bertanding bagi kawasan Umum sama dengan atau kurang daripada jumlah wakil yang diperuntukkan bagi kawasan Umum itu, calon berkenaan akan diisytiharkan menang tanpa bertanding.
- (3) Dalam keadaan apabila berlakunya kekurangan satu calon atau tiada calon yang bertanding untuk suatu kerusi fakulti atau umum—
- (4) Pilihan raya kecil boleh diadakan bagi kawasan fakulti atau umum yang tiada calon atau mempunyai kekosongan.

BAHAGIAN VI

KEMPEN PILIHAN RAYA KAMPUS

Kempen

- 24.** (1) JPRKUM hendaklah bertanggungjawab bagi menyelia dan memantau kempen Pilihan Raya Kampus.
- (2) Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan mana- mana pelajar ijazah dasar Universiti boleh berkempen mengikut cara dan dalam tempoh yang ditetapkan, tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Perlembagaan Universiti, Kaedah- Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar- Pelajar) 1999, Kod Tatakelakuan Aktiviti-aktiviti Politik Di Dalam Kampus Universiti Malaya dan tatacara lain yang ditetapkan oleh JPRKUM.

Poster, kain rentang, dsb.

- 25.** JPRKUM hendaklah bertanggungjawab bagi menyelia dan memantau kempen Pilihan Raya Kampus.

BAHAGIAN VII

PENGUNDIAN

Hari pengundian

26. (1) Pengundian hendaklah dijalankan pada tarikh, masa dan di Pusat Pengundian seperti yang ditetapkan oleh JPRKUM dalam notis Pilihan Raya Kampus.
- (2) JPRKUM bolehlah mempamerkan suatu notis yang mengandungi panduan mengundi di Kawasan Pusat Pengundian sebelum pengundian dimulakan.
- (3) Setiap pengundi hendaklah mengemukakan kad pelajar atau apa-apa bukti lain yang mengesahkan status pengundi itu sebagai pelajar ijazah dasar Universiti semasa proses pendaftaran sebelum dibenarkan mengundi.
- (4) Jika berlaku apa-apa pertikaian semasa hari pengundian, JPRKUM atau Ketua Tempat Mengundi hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai pertikaian itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membolehkan Pilihan Raya Kampus dijalankan.

Ketua Pusat Mengundi dan Pegawai Pusat Mengundi

27. (1) JPRKUM hendaklah melantik seorang pelajar sebagai Ketua Tempat Mengundi dengan penyeliaan seorang pekerja Universiti untuk mengawal selia proses pengundian di Universiti.
- (2) Ketua Pusat Pengundian tidak boleh menjadi ahli dalam mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 4.
- (3) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus hendaklah melantik pelajar sebagai Pegawai Tempat Mengundi untuk membantu dalam proses Pilihan Raya Kampus.

Kebenaran masuk ke Pusat Pengundian, dsb.

28. (1) Tiada sesiapa boleh berada di Pusat Pengundian melainkan dengan kebenaran Ketua Tempat Mengundi.
- (2) Bilangan pengundi yang dibenarkan masuk ke Pusat Pengundian pada satu-satu masa akan ditentukan oleh Ketua Tempat Mengundi.
- (3) Semua calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon hendaklah mematuhi semua prosedur yang dibuat dan arahan yang diberikan oleh Ketua Tempat Mengundi yang berkenaan daripada semasa ke semasa.
- (4) Ketua Tempat Mengundi hendaklah memastikan ketenteraman di Pusat Pengundian.
- (5) Jika mana-mana orang menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau sebagainya yang pada pandangan Ketua Tempat Mengundi boleh mengganggu kelancaran proses pengundian, Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana Pegawai Tempat Mengundi boleh mengarahkan orang itu meninggalkan Pusat Pengundian dengan serta merta.
- (6) Kuasa yang diberi di bawah subperaturan (5) tidak boleh dilaksanakan sehingga boleh menafikan hak seseorang pelajar ijazah dasar untuk mengundi.

Larangan pada hari pengundian, dsb.

29. (1) Tiada calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau pengundi boleh dibenarkan untuk—
- (a) menjalankan sebarang bentuk kempen bercetak, lisan atau secara atas talian pada hari pengundian di dalam Kampus;
 - (b) menunjukkan identiti yang melambangkan identiti sesebuah kumpulan;
 - (c) berkelakuan tidak sopan di kawasan Pusat Pengundian;
 - (d) mengganggu kelancaran proses pengundian dengan apa jua cara termasuklah—
 - i) berusaha meraih atau merayu undi;
 - ii) mengedar senarai nama calon kepada pengundi;
 - iii) membuat bising atau sebarang gangguan di sekitar Pusat Pengundian; atau
 - iv) mengganggu atau menghalang Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus atau Pegawai Pusat Pengundian daripada menjalankan tugas.
 - (e) mengundi lebih daripada sekali; atau
 - (f) membawa apa-apa dokumen atau barang terlarang seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus ke dalam Pusat Pengundian kecuali dokumen atau barang yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus.
- (2) Calon, pencadang calon, penyokong pencadang calon atau mana- mana pengundi bolehlah membuat aduan mengenai perkara di bawah peraturan ini kepada Ketua Tempat Mengundi.
- (3) Ketua Tempat Mengundi hendaklah memutuskan perkara-perkara berhubung dengan aduan yang diterima di bawah subperaturan (2).
- (4) Mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadang calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Tempat Mengundi di bawah subperaturan (3) boleh mengemukakan kepada Pengerusi JPRKUM.

Pengundian kertas

30. (1) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus hendaklah menyediakan undi kertas yang mencukupi bagi setiap Pusat Pengundian.
- (2) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah memastikan kertas undi tidak mempunyai apa-apa data berkenaan pengundian dan undi yang disediakan di Pusat Pengundian.
- (3) Ketua Tempat Mengundi hendaklah menutup kotak pengundian selepas tamat tempoh pengundian.
- (4) Sekiranya tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon hadir semasa pengesahan di bawah subperaturan (2), Ketua Tempat Mengundi boleh meneruskan proses pengundian tersebut sehingga tamat.

Pengundian dan penjumlahan undi secara manual

31. (1) JPRKUM boleh menentukan pengundian dan penjumlahan undi dilaksanakan dengan kertas undi dan pengiraan kertas undi.
- (2) Seseorang pengundi hendaklah mengundi mengikut tatacara dan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (3) Kertas undi adalah sulit dan hendaklah dikendalikan secara terkawal dan digunakan pada hari pengundian.
- (4) JPRKUM hendaklah menentukan tempat dan proses penjumlahan undi.
- (5) Selepas tamat tempoh pengundian, Ketua Tempat Mengundi hendaklah memastikan segala peralatan, perkakasan, kotak pengundian dan dokumen berkaitan pengundian disimpan di tempat yang selamat.
- (6) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap penjumlahan undi kepada Ketua Tempat Mengundi atau wakilnya.
- (7) Bantahan di bawah subperaturan (6) boleh dibuat—

- (a) selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi; atau
 - (b) selepas keputusan penjumlahan undi dipamerkan,
- (8) Ketua Tempat Mengundi hanya perlu membuat pengiraan undi semula bagi perbezaan keputusan undi yang tidak lebih daripada 5% jika mendapat bantahan oleh mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon mengenai hal tersebut.
- (9) Walau apa pun subseksyen (8), pengiraan undi semula tersebut tidak boleh dilakukan melebihi 3 kali.

BAHAGIAN VIII

PENJUMLAHAN UNDI

Pusat penjumlahan undi

- 32.** (1) Penjumlahan undi hendaklah dijalankan di tempat yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (2) Tiada mana-mana orang dibenarkan berada di pusat penjumlahan undi kecuali setelah mendapat kebenaran Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus.
- (3) Walau apa pun subperaturan (2), orang yang berikut adalah dibenarkan berada di dalam pusat penjumlahan undi—
- (a) Ketua Pusat Penjumlahan Undi;
 - (b) Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah peraturan 4
 - (c) Pelajar Universiti yang dilantik oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus atau Ketua Pusat Penjumlahan Undi;
 - (d) Calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon; dan
 - (e) Lain-lain yang dibenarkan oleh JPRKUM.

Ketua Pusat Penjumlahan Undi

- 33.** (1) JPRKUM hendaklah melantik seorang Ketua Pusat Penjumlahan Undi daripada kalangan pelajar Universiti.
- (2) Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah—
- (a) melantik mana-mana pelajar Universiti untuk membantu dalam penjumlahan undi;
 - (b) menjumlahkan keseluruhan undi daripada semua Pusat Pengundian; dan

- (c) menyediakan kemudahan yang perlu untuk membolehkan penjumlahan undi berjalan dengan lancar.

Pengumuman keputusan penjumlahan undi

- 34. (1) Apabila penjumlahan undi telah selesai, Naib Canselor atau Pengerusi JPRKUM hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengumumkan keputusan penjumlahan undi.
- (2) Sekiranya bilangan undi di antara calon bagi sesuatu kawasan Pilihan Raya Kampus adalah sama banyak, pengundian semula bagi kawasan Pilihan Raya Kampus tersebut hendaklah dilakukan pada suatu tarikh dan masa yang akan ditetapkan oleh JPRKUM.
- (3) Sekiranya keputusan pengundian semula di bawah subperaturan (2) adalah sama banyak, penambahan satu undi hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh JPRKUM dan cara itu hendaklah dilakukan di hadapan calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon.
- (4) Sekiranya berlaku proses pengundian semula menurut subperaturan (2), keputusan penjumlahan undi bagi kawasan Pilihan Raya Kampus berkenaan hendaklah ditangguhkan. Setelah selesai proses pengundian semula tersebut, Naib Canselor atau JPRKUM hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, mengumumkan keputusan penjumlahan undi bagi kawasan Pilihan Raya Kampus tersebut.

Bantahan dan rayuan keputusan Pilihan Raya Kampus

- 35. (1) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan penjumlahan undi calon di bawah peraturan 34 boleh membuat bantahan secara bertulis dengan menyatakan alasannya kepada suatu Panel Bantahan yang terdiri daripada staf UM yang dilantik oleh Naib Canselor dalam tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan dalam notis Pilihan Raya Kampus di bawah peraturan 11.

- (2) Setiap bantahan hendaklah dikenakan bayaran pada kadar yang ditetapkan oleh JPRKUM dan hendaklah dibayar kepada JPRKUM. Resit bagi pembayaran yang dibuat di bawah subperaturan ini hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan bantahan yang dibuat di bawah subperaturan (1).
- (3) Panel Bantahan hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat jam selepas tamat masa bantahan, membuat keputusan mengenai bantahan itu dan hendaklah memaklumkan kepada pembantah dan orang yang dibantah, mengenai keputusan dan alasan keputusannya.
- (4) Jika sesuatu bantahan diterima oleh Panel Bantahan, kemenangan seseorang calon yang dibantah hendaklah disifatkan sebagai telah terbatal.
- (5) Bagi maksud mesyuarat Panel Bantahan, kuorum bagi Panel tersebut ialah Pengerusi dan satu pertiga daripada keahliannya.
- (6) Pembayaran yang dibuat menurut subperaturan (2) di atas tidak akan dikembalikan sama ada bantahan diterima atau ditolak.
- (7) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Panel Bantahan yang dibuat di bawah subperaturan (3) boleh membuat rayuan terhadap keputusan itu kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus.
- (8) Setiap rayuan dikenakan bayaran mengikut jumlah sebagaimana ditetapkan oleh JPRKUM dan hendaklah dibayar kepada JPRKUM.
- (9) Rayuan yang dibuat di bawah subperaturan (6) hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus bersama resit bayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (10) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat jam selepas tamat masa rayuan, membuat keputusan mengenai rayuan itu dan hendaklah memaklumkan kepada perayu mengenai keputusan dan alasan keputusannya.
- (11) Pembayaran yang dibuat menurut subperaturan (8) di atas tidak akan dikembalikan sama ada rayuan diterima atau ditolak.

BAHAGIAN IX

PENGISYTIHARAN AHLI KMUM DAN PEMILIHAN PEMEGANG JAWATAN

Pengisytiharan

36. (1) JPRKUM atau mana-mana pekerja Universiti yang diberi kuasa oleh Pengerusi JPRKUM hendaklah mengisytiharkan calon yang berjaya di dalam Pilihan Raya Kampus.
- (2) Pengisytiharan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan dipamerkan di laman sesawang yang ditentukan oleh JPRKUM atau di papan notis yang ditetapkan oleh JPRKUM dengan seberapa segera yang boleh selepas keputusan terhadap bantahan atau rayuan dibuat di bawah peraturan 35.

Pemegang jawatan KMUM

37. (1) Calon yang berjaya di dalam Pilihan Raya Kampus adalah membentuk KMUM dan hendaklah memilih sesama mereka—
- (a) seorang Yang Dipertua;
 - (b) seorang Naib Yang Dipertua;
 - (c) seorang Setiausaha;
 - (d) seorang Bendahari; dan
 - (e) pemegang bagi jawatan lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.
- (2) Lantikan KMUM hendaklah dibuat dalam tempoh 1 tahun kalendar akademik.
- (3) Bagi pelanjutan tempoh KMUM dan pelantikan *Caretaker*—
- (a) Naib Canselor boleh menggunakan kuasa budi bicaranya untuk melanjutkan tempoh pelantikan KMUM sedia ada untuk menjalankan tugas sementara (*Caretaker*) sehingga KMUM baru dilantik.
 - (b) Naib Canselor boleh mengikut budi bicaranya melantik mana-mana pelajar untuk menjalankan tugas sementara (*Caretaker*) sehingga KMUM baru dilantik.

BAHAGIAN X

AM

Keesahan perbuatan di atas ketidakhadiran calon, dsb.

38. Tiada sesuatu perbuatan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau dibuat semasa ketidakhadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon jika perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau dibuat dengan suci hati.

Pindaan atau pembatalan peraturan

39. (1) JPRKUM boleh mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk meminda atau membatalkan mana-mana peruntukan Peraturan ini.
- (2) Sekiranya berlaku sebarang situasi yang tidak dinyatakan dalam Peraturan ini, JPRKUM hendaklah merujuk kepada Naib Canselor

Pengawasan keselamatan

40. Pemantauan dan pengawasan keselamatan perjalanan keseluruhan Pilihan Raya Kampus hendaklah menjadi tanggungjawab pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai hal ehwal keselamatan Universiti.

Tindakan tatatertib

41. Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Pengawasan keselamatan

42. Bagi pelajar kelainan yang cacat penglihatan yang dikenal pasti sahaja, Naib Canselor atau Pegawai Tempat Mengundi akan membantu pelajar berkenaan untuk membuang undi di pusat pengundian yang ditetapkan oleh JPRKUM.

Pengundian oleh Pelajar Kelainan Upaya

43. Bagi pelajar kelainan upaya, Naib Canselor atau Pegawai Tempat Mengundi akan membantu pelajar berkenaan untuk membuang undi di pusat pengundian yang ditetapkan oleh JPRKUM.

Etika Pakaian Sepanjang Pilihan Raya Kampus

44. Semua pelajar hendaklah mematuhi kod etika pakaian Universiti Malaya sepanjang Pilihan Raya Kampus.

Kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan

- 44A. Mana-mana pelajar yang semasa sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan atau dengan kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan antara orang yang terdiri daripada kaum yang sama atau kaum yang berlainan atau daripada golongan yang sama atau golongan yang berlainan pelajar universiti untuk mendorong mana-mana pemilih atau pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi dalam sesuatu pilihan raya, adalah sesuatu kesalahan.

Rayuan terhadap keputusan di bawah Tatacara 4.3(5)

- 44B.** (1) Mana-mana pengadu atau orang yang diadu yang tidak berpuas hati terhadap keputusan yang dibuat oleh pihak JPRKUM di bawah Tatacara 4.3(5) boleh membuat rayuan secara bertulis dengan menyatakan alasannya kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus dalam 12 jam dari masa keputusan dibuat dan diberitahu.
- (2) Setiap rayuan dikenakan bayaran mengikut jumlah sebagaimana ditetapkan oleh pihak JPRKUM dan hendaklah dibayar kepada pihak JPRKUM.
- (3) Rayuan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus bersama resit bayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak JPRKUM.
- (4) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat jam selepas tamat masa rayuan, membuat keputusan mengenai rayuan itu dan hendaklah memaklumkan kepada perayu mengenai keputusan dan alasan keputusannya.
- (5) Pembayaran yang dibuat menurut subperaturan (2) di atas tidak akan dikembalikan sama ada rayuan diterima atau ditolak.

BAHAGIAN XI

KEADAAN LUAR JANGKA

Force Majeure

45. (1) JPRKUM boleh menasihati Naib Canselor untuk menjalankan seluruh pilihan raya kampus, atau penamaan calon, penamaan atau pengundian secara atas talian bagi memastikan kelangsungan Pilihan Raya Kampus sekiranya berlaku kejadian *Force Majeure*.
- (2) Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud –
- (a) peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
 - (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
 - (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir dan kebakaran bawah tanah yang spontan, tsunami, atau apa-apa bencana alam;
 - (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
 - (e) tekanan ombak yang disebabkan oleh kapal terbang atau apaapapun peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
 - (f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
 - (g) sebab-sebab atau bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana pihak.
- (3) Pihak-pihak tidak berhak untuk bersandarkan kepada Peruntukan-peruntukan dalam peraturan ini melainkan sekiranya pihak-pihak telah berpuas hati bahawa kejadian *Force Majeure* benar-benar berlaku.

TATACARA

1.0 TATACARA PENAMAAN CALON

1.1 Urusan Penamaan Calon

- (1) Calon yang layak dan berhasrat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kampus hendaklah menamakan diri menggunakan borang penamaan yang dikeluarkan oleh JPRKUM. (Merujuk Peraturan 13 bagi Peraturan-peraturan Pilihan Raya Kampus bagi kelayakan calon)
- (2) Borang Penamaan akan dikeluarkan dan dipaparkan oleh JPRKUM sekurang-kurangnya 3 hari sebelum hari penamaan calon.
- (3) Setiap borang penamaan hendaklah ditandatangani oleh calon, pencadang dan penyokongnya di hadapan pegawai pengurus penamaan calon pada hari penamaan calon.
- (4) Pencadang dan penyokong bagi mana-mana calon hendaklah merupakan pelajar berdaftar ijazah dasar UM dan memenuhi kelayakan yang ditetapkan di peraturan 16 dan peraturan 14(5) bagi Peraturan-peraturan Pilihan Raya Kampus.
- (5) Pada hari penamaan calon, calon dikehendaki menghantar—
 - (i) borang penamaan calon;
 - (ii) salinan Kad Pengenalan dan Kad Matrik Calon;
 - (iii) *print screen* status pendaftaran kursus online bagi semester semasa;
 - (iv) slip keputusan peperiksaan terkini;
 - (v) bayaran dan wang cagaran yang ditetapkan oleh JPRKUM;
 - (vi) salinan Kad Pengenalan dan Kad Matrik pencadang dan penyokong pencadangan calon; dan

(vii) *print screen* baki tertunggak kursus, sekiranya penamaan calon dilakukan secara atas talian.

Calon dikehendaki menyempurnakan urusan penghantaran dalam tempoh di antara jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi pada hari penamaan calon.

Merujuk kepada 5(ii) dan 5(vi), jika calon dan/atau pencadang dan penyokong pencadangan calon kehilangan Kad Pengenalan atau Kad Matrik, calon dan/atau pencadang dan penyokong pencadangan calon dikehendaki membawa Laporan Polis atau Kad Matrik Sementara dari Pejabat Keselamatan Universiti Malaya.

Bahan-bahan dari 5(i) ke 5(vii) perlu dihantar dalam salinan perisian (*soft-copy*) melalui e-mel rasmi JPRKUM, sekiranya penamaan calon dijalankan secara dalam talian.

- (6) Borang penamaan boleh ditolak oleh pegawai pengurus penamaan calon jika—
- (i) calon tidak mematuhi tatacara dan kaedah yang ditetapkan oleh JPRKUM bagi penyerahan borang penamaan; dan
 - (ii) berdasarkan borang penamaan dan dokumen-dokumen yang diserahkan, adalah ternyata bahawa calon tidak layak bagi Pilihan Raya Kampus.
- (7) Sekiranya borang penamaan ditolak berdasarkan alasan di perenggan (6), pegawai pengurus pencalonan hendaklah memaklumkan keputusan dan alasan kepada calon yang berkenaan, serta keputusan dan alasan tersebut hendaklah disimpan dalam rekod.

- (8) Selain pegawai pengurus, ahli JPRKUM, calon, pencadang dan penyokongnya, tiada orang berhak hadir di tempat penamaan, kecuali atas permintaan atau dibenarkan oleh pegawai pengurus penamaan calon.
- (9) Sekiranya calon menyempurnakan proses penamaan, calon hanya boleh menarik balik pencalonannya sebelum senarai muktamad calon yang layak bertanding diumumkan. (Sila rujuk Peraturan 21 dan Peraturan 22)

1.2 Wang Cagaran dan Bayaran

- (1) Calon yang berhasrat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kampus hendaklah membayar wang cagaran sebanyak **RM50.00** dan bayaran wang proses sebanyak **RM20.00** kepada JPRKUM dalam tempoh dan kaedah yang ditetapkan dan diumumkan oleh JPRKUM.
- (2) Wang cagaran hendaklah dikembalikan kepada calon jika—
 - (i) seseorang calon tidak ditunjukkan sebagai sah dinamakan dalam notis pilihan raya yang dipertandingkan;
 - (ii) seseorang calon menarik balik pencalonannya sebelum senarai muktamad calon yang layak bertanding diumumkan;
 - (iii) seseorang calon mati selepas wang cagaran dibayar dan sebelum pengundian dimulakan;
 - (iv) seseorang calon tidak melanggar apa-apa peraturan dan tatacara bagi Pilihan Raya Kampus; dan
 - (v) seseorang calon mendapat undian lebih daripada $\frac{1}{8}$ (12.5 peratus) daripada jumlah keseluruhan undian yang dibuang.
- (3) JPRKUM akan mempertimbangkan perlucutan hak wang cagaran calon sekiranya calon tersebut secara sengaja melanggar peraturan-peraturan dan tatacara yang ditetapkan bagi Pilihan Raya Kampus.

- (4) Sekiranya wang cagaran calon dilucutkan hak, JPRKUM hendaklah memaklumkan alasan wang cagaran dilucutkan hak kepada calon tersebut.
- (5) Wang cagaran akan dipulangkan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh JPRKUM.

1.3 Logo

- (1) Calon dibenarkan menggunakan logo sendiri untuk kempen Pilihan Raya Kampus.
- (2) Calon-calon yang ingin menjalankan kempen Pilihan Raya Kampus secara berkumpulan dan menggunakan logo yang sama hendaklah mendaftarkan logo mereka bersama maklumat wakil pihak tersebut dalam tempoh dan kaedah yang ditetapkan dan diumumkan oleh JPRKUM.
- (3) Calon individu atau calon bebas boleh memilih sama ada berkempen dengan menggunakan logo ataupun tidak menggunakan logo.
- (4) Sekiranya calon tersebut ingin berkempen dengan menggunakan logo, calon hanya boleh memilih senarai logo yang disediakan oleh JPRKUM dan maklumkan kepada pegawai pengurus penamaan calon semasa proses penamaan calon.

2.0 TATACARA BANTAHAN PENAMAAN CALON

- (1) Bantahan boleh dibuat selepas senarai calon Pilihan Raya Kampus awal telah diumumkan oleh JPRKUM, berdasarkan alasan yang ditetapkan di peraturan 19(2) bagi Peraturan-Peraturan Pilihan Raya Kampus dan hendaklah dikemukakan sebelum jam dua (2) petang pada hari penamaan.

- (2) Mana-mana pelajar ijazah dasar yang berhasrat untuk membantah (“Pembantah”) pencalonan seseorang calon dikehendaki membuat bayaran sebanyak RM20.00 untuk setiap bantahan dan menghantar borang bantahan kepada ahli JPRKUM dengan kaedah yang ditetapkan oleh JPRKUM.
- (3) Selepas tamat tempoh bantahan, keputusan bantahan akan dimaklumkan kepada calon dan Pembantah melalui e-mel mereka masing-masing dan dipaparkan di laman sesawang atau papan notis yang ditentukan oleh JPRKUM dalam tempoh dua (2) jam selepas tamat tempoh bantahan.

3.0 TATACARA RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN BANTAHAN PENAMAAN CALON

- (1) Mana-mana Pembantah yang tidak berpuas hati dengan keputusan bantahan atau calon yang pencalonannya telah ditolak dan berhasrat untuk merayu (“Perayu”) terhadap keputusan tersebut dikehendaki membuat bayaran sebanyak RM20.00 untuk setiap rayuan dan menghantar borang rayuan kepada JPRKUM. Rayuan hendaklah dikemukakan sebelum jam lima (5) petang pada hari penamaan.
- (2) Selepas tamat tempoh rayuan, keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada calon dan Perayu melalui e-mel mereka masing-masing dan dipaparkan di laman sesawang yang ditentukan oleh JPRKUM dalam tempoh dua (2) jam selepas tamat tempoh rayuan.
- (3) Sekiranya tiada sebarang rayuan, JPRKUM akan mengumumkan senarai muktamad calon yang layak bertanding.

4.0 TATACARA KEMPEN

4.1 Pihak yang Dibenarkan Berkempen

- (1) Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon, dan pelajar UM dibenarkan berkempen, tetapi hanya lima (5) orang pelajar termasuk calon, dibenarkan untuk masuk ke Dewan Kuliah atau Bilik Tutorial bersama calon bagi tujuan berkempen dengan kebenaran pensyarah, tetapi hanya dibenarkan berkempen secara dalam talian dengan menggunakan apa-apa cara dan di mana-mana platform, sekiranya JPRKUM menjalankan kempen secara dalam talian.
- (2) Calon hendaklah memastikan bahawa pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan wakilnya hanya berurusan dengan JPRKUM dan tidak melibatkan pihak luar atau pihak dalam Universiti bersabit dengan Pilihan Raya Kampus; dan
- (3) Pembesar suara, pelaung suara, penguat suara atau alat seumpamanya yang lain dibenarkan untuk digunakan bagi tujuan kempen dalam tempoh berkempen sahaja di kawasan terbuka sahaja.

4.2 Kawasan Kempen

- (1) Kawasan kempen merujuk kepada Kampus Universiti Malaya atau mana-mana kawasan yang ditentukan oleh JPRKUM;
- (2) Kawasan kempen merujuk kepada mana-mana platform dalam talian sahaja, sekiranya JPRKUM menjalankan kempen secara dalam talian.
- (3) Kawasan-kawasan yang dilarang adalah perpustakaan, dewan peperiksaan, surau, Balai Islam, bilik bacaan, bilik-bilik penghuni dan blok koridor kolej kediaman;

- (4) Hanya calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan wakilnya boleh berkempen dalam bilik kuliah dengan budi bicara pensyarah kuliah/tutorial dan dengan syarat bilik kuliah itu tidak digunakan untuk kuliah atau tutorial yang berikutnya untuk tempoh tidak melebihi sepuluh (10) minit seorang; dan
- (5) Pihak Universiti dan JPRKUM, tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa yang berlaku pada mana-mana pelajar atau apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa terhadap mana-mana pelajar yang mengadakan kempen di luar kampus.

4.3 Larangan Sewaktu Berkempen

- (1) Sebarang ucapan yang menyentuh peribadi orang perseorangan atau kumpulan, menghasut untuk melakukan keganasan dan kerosakan baik pada diri mahupun pada harta benda dan isu-isu seperti perkauman serta agama adalah dilarang;
- (2) Sebarang paksaan, ugutan dan deraan dalam apa jua bentuk terhadap orang perseorangan sama ada secara fizikal atau mental adalah dilarang;
- (3) Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon, dan mana-mana pelajar tidak dibenarkan memberi sebarang hadiah/cenderamata bagi tujuan meraih undi; dan
- (4) Ahli-ahli JPRKUM tidak dibenarkan sama sekali untuk berkempen bagi pihak mana-mana calon sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.
- (5) (i) Berikut merupakan tindakan yang boleh diambil mengikut budi bicara JPRKUM apabila mendapati mana-mana calon atau/dan kumpulan yang melanggar Peraturan-Peraturan dan Tatacara Pilihan Raya Kampus—

- (a) Amaran bertulis akan diberikan kepada calon tertentu atau sesuatu kumpulan;
- (b) Notis pemberitahuan yang mengandungi nama calon yang bersalah dan kumpulannya akan dipaparkan kepada orang awam;
- (c) Wang cagaran calon tertentu atau semua calon dari sesuatu kumpulan akan dilucutkan hak;
- (d) Dilucutkan kelayakan calon tertentu untuk bertanding,

dan pihak JPRKUM boleh mengenakan mana-mana satu tindakan atau suatu kombinasi yang terdiri daripada mana-mana tindakan di atas.

- (ii) Tiada tindakan yang boleh dikenakan tanpa memberi pihak yang dihukum suatu peluang yang munasabah untuk didengar.

4.4 Tempoh Kempen

- (1) Semua calon Pilihan Raya Kampus dibenarkan untuk berkempen dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam notis Pilihan Raya Kampus yang dikeluarkan oleh JPRKUM.

4.5 Bahan Kempen

- (1) Calon dicadangkan mempunyai biodata dan manifesto untuk berkempen;
- (2) Percetakan, pameran atau pengedaran semua bahan kempen adalah TIDAK PERLU kebenaran daripada JPRKUM dengan syarat isi kandungan sebaran adalah masuk akal (seperti tidak memfitnah, menyebarkan kebencian dan lain-lain);
- (3) Jika JPRKUM mendapat aduan terhadap mana-mana bahan kempen sebaran calon, selepas siasatan dibuat dan disahkan terdapat bahan kempen calon yang melanggar Tatacara Pilihan Raya Kampus, JPRKUM berhak meminta calon atau wakilnya menarik balik bahan kempen tersebut;

- (4) Bahan kempen calon hendaklah dicetak oleh calon atas kos dan perbelanjaan calon sendiri;
- (5) Bagi maksud penyediaan bahan kempen, calon hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut—
- (i) Poster
- (a) Format dan warna adalah bebas;
 - (b) Logo atau simbol yang digunakan hanya terhad kepada logo atau simbol yang didaftar oleh calon pada hari penamaan calon; dan
 - (c) Calon tidak dibenarkan menampal poster pada dinding di mana-mana tempat dalam kampus UM. Penampal yang dilarang termasuk semua jenis gam, pelekat dua lapis, sticker dan seumpamanya. Calon digalakkan mengguna tali untuk mengantung poster atau menampal poster di papan kenyataan menggunakan pin.
- (ii) Kain Pemedang, Banner, Bunting dan seumpamanya
- (a) Format dan warna adalah bebas;
 - (b) Logo atau simbol yang digunakan hanya terhad kepada logo atau simbol yang didaftar oleh calon semasa penamaan calon;
 - (c) Kain pemedang yang digantung adalah TIDAK BOLEH sesekali mengganggu kelancaran jalan raya, laluan pejalan kaki, atau mengancam keselamatan awam; dan
- (iii) Biodata dan Manifesto
- (a) Format adalah bebas; dan
 - (b) Logo atau simbol yang digunakan hanya terhad kepada logo atau simbol yang didaftar oleh calon pada hari penamaan calon.

- (6) Mana-mana bahan kempen yang tidak mematuhi syarat-syarat seperti dinyatakan pada Tatacara Pilihan Raya Kampus boleh diturunkan atau ditanggalkan oleh sekretariat atau ahli JPRKUM yang dipertanggungjawabkan. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mana-mana pelajar yang cuba menghasut supaya menurunkan dan merosakkan bahan kempen mana-mana calon;
- (7) Calon adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahan kempen diturunkan atau ditanggalkan dalam tempoh dua puluh empat jam (24) selepas hari pengundian. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan wang cagaran calon dilucut hak; dan
- (8) Semua calon bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan kempen berserta resit asal. Laporan kewangan kempen perlu diserahkan kepada JPRKUM selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas hari pengundian.

4.6 Aduan Terhadap Pelanggaran Peraturan dan Tatacara Pilihan Raya Kampus

- (1) Mana-mana pelajar yang ingin membuat aduan tentang pelanggaran Peraturan dan Tatacara Pilihan Raya Kampus oleh mana-mana pelajar boleh melakukannya di platform yang ditentukan oleh JPRKUM;
- (2) Aduan yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan bukti-bukti;
- (3) JPRKUM akan membuat keputusan bersama berhubung aduan tersebut.

4.7 Tatacara Rayuan Terhadap Keputusan di bawah Tatacara 4.3(5)

- (1) Mana-mana pengadu atau orang yang diadu yang dikenakan tindakan di bawah Tatacara 4.3(5) ("Pembantah") dan berhasrat untuk membantah keputusan tindakan yang dikenakan oleh pihak JPRKUM dikehendaki membuat bayaran sebanyak **RM20.00** bagi setiap rayuan dengan kaedah yang ditetapkan oleh JPRKUM; dan

- (2) Rayuan hendaklah dibuat secara bertulis di atas borang yang ditetapkan dan disyaratkan bersama dengan resit pembayaran bantahan kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus di bawah Peraturan 44B Peraturan-Peraturan Pilihan Raya Kampus.

5.0 Tatacara Bantahan Terhadap Keputusan Pilihan Raya Kampus

- (1) Mana-mana pelajar yang berhasrat untuk membantah (“Pembantah”) keputusan Pilihan Raya Kampus menurut Peraturan 35 (1) Peraturan-peraturan Pilihan Raya Kampus dikehendaki membuat bayaran sebanyak **RM20.00** bagi setiap bantahan kepada ahli JPRKUM dengan kaedah yang ditetapkan oleh JPRKUM; dan
- (2) Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis di atas borang yang ditetapkan dan disyaratkan bersama dengan resit pembayaran bantahan kepada Panel Bantahan yang ditubuhkan di bawah Peraturan 35 Peraturan- Peraturan Pilihan Raya Kampus.

6.0 Tatacara Rayuan Terhadap Keputusan Pilihan Raya Kampus

- (1) Mana-mana Pembantah yang tidak berpuas hati dengan keputusan bantahan atau calon yang kemenangannya terbatal kerana bantahan diterima, dan berhasrat untuk merayu (“Perayu”) menurut Peraturan 35(7) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya Kampus dikehendaki membuat bayaran sebanyak **RM20.00** bagi setiap rayuan kepada ahli JPRKUM dengan kaedah yang ditetapkan oleh JPRKUM; dan
- (2) Rayuan hendaklah dibuat secara bertulis di atas borang yang ditetapkan dan disyaratkan bersama dengan resit pembayaran rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus menurut Peraturan 35(9) Peraturan- Peraturan Pilihan Raya Kampus.

7.0 Tatacara Paca (*Polling Agent & Counting Agent*)

- (1) Calon dibenarkan melantik mana-mana pelajar sebagai Ejen Tempat Mengundi dan Ejen Mengira Undi (PACA)—
 - (i) Ejen Tempat Mengundi Calon (*Polling Agent*) merupakan orang yang mewakili calon untuk mengawasi tempat mengundi semasa tempoh pengundian dan memastikan proses pengundian adalah mengikut peraturan dan tatacara.
 - (ii) Ejen Kira Undi Calon (*Counting Agent*) merupakan orang yang mewakili calon untuk mengawasi proses pengiraan undi di tempat pengiraan undi dan memastikan proses pengiraan undi adalah mengikut peraturan dan tatacara.

- (2) Individu yang layak menjadi PACA merupakan—
 - (i) pelajar berdaftar ijazah dasar Universiti Malaya;
 - (ii) tidak bertanding dalam Pilihan Raya Kampus; dan
 - (iii) bukan ahli JPRKUM.

- (3) Pendaftaran PACA—
 - (i) Setiap calon perlu mendaftarkan PACA atas nama parti/kumpulan sendiri jika calon tersebut adalah bertanding bawah parti/kumpulan. Jika seseorang calon bertanding atas kapasiti individu, calon tersebut perlu mendaftarkan PACA atas nama sendiri;
 - (ii) Borang pendaftaran PACA perlu dihantar pada hari penamaan calon kepada JPRKUM oleh PACA sendiri dan disertakan dengan salinan Kad Pengenalan dan Kad Matrik PACA yang ingin didaftar; dan
 - (iii) PACA mesti menandatangani Kenyataan Sumpah Rahsia dan dihantar semasa hari penamaan.

- (4) JPRKUM berhak menghadkan jumlah PACA bagi mana-mana calon atau parti/kumpulan. Hanya PACA yang berdaftar dan diluluskan oleh JPRKUM boleh hadir di tempat mengundi atau tempat pengiraan undi.

- (5) Ejen Tempat Mengundi Calon dibenarkan untuk—
 - (i) menyemak peti undi dan kertas undi sebelum pengundian bermula;
 - (ii) menyuasakan kecurigaan atau bantahan kepada Ketua Tempat Mengundi;
 - (iii) menjadi pemerhati identiti pengundi di tempat mengundi; dan (iv) lain-lain yang dibenarkan oleh JPRKUM.

- (6) Ejen Kira Undi Calon dibenarkan untuk—
 - (i) menjadi pemerhati dalam bilik pengiraan undi; dan
 - (ii) menyuasakan bantahan atas kertas undi yang ragu atau rosak.

- (7) PACA perlu sentiasa mematuhi arahan Ketua Tempat Mengundi. Ketua Tempat Mengundi berhak menghalang PACA terus berada dalam tempat mengundi atau tempat pengiraan undi jika PACA telah mengganggu kelancaran proses dan menghalang tugas sekretariat.

- (8) Bagi kelancaran proses pengundian dan pengiraan undi, Ketua Tempat Mengundi berhak menghadkan bilangan PACA di dalam tempat mengundi dan tempat pengiraan undi.

- (9) JPRKUM boleh meminda atau mengubahsuai sebarang tatacara bagi PACA dari semasa ke semasa.

- (10) Segala perkara yang tidak dinyatakan dalam Tatacara ini adalah tertakluk kepada budi bicara JPRKUM.

8.0 Tatacara Undi Pos

- (1) Mana-mana pelajar berdaftar ijazah dasar yang menjalankan Latihan Industri pada semester PRKUM diadakan dan berdaftar dengan JPRKUM layak menjadi pengundi pos;
- (2) Pengundi pos hendaklah mengundi mengikut proses pengundian yang telah ditetapkan oleh JPRKUM;
- (3) Kelayakan pelajar sebagai pengundi pos boleh dilucutkan haknya tanpa sebarang budi bicara sekiranya maklumat yang diberikan tidak sah atau pelajar tersebut telah gagal untuk merahsiakan undiannya;
- (4) Kertas undi hanya akan diterima selewat-lewatnya seminit sebelum pusat undian pada Hari Pengundian PRKUM tutup; dan
- (5) Pihak JPRKUM tidak bertanggungjawab—
 - (i) sekiranya kertas undi tidak sampai ke pelajar setelah dipos;
 - (ii) terhadap kehilangan kertas undi;
 - (iii) atas kesalahan/kecuaian mengundi oleh pelajar dalam kertas undi;
 - (iv) sekiranya pihak JPRKUM tidak menerima kertas undi yang telah dipos oleh pelajar; atau
 - (v) atas kelewatan pihak pos.

9.0 Tatacara Undian Awal

- (1) Pelajar berdaftar ijazah dasar yang merupakan ahli JPRKUM, sekretariat JPRKUM dan mana-mana pelajar yang bertugas pada Hari Pengundian PRKUM layak untuk undian awal;
- (2) Mana-mana pengundi yang telah membuang undian awal mesti merahsiakan undiannya;
- (3) Mana-mana pengundi yang telah membuang undian awal TIDAK dibenarkan untuk mengundi pada Hari Pengundian PRKUM; dan
- (4) Tindakan tatatertib akan diambil ke atas mana-mana pengundi awal yang melanggar tatacara undian awal.